



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[MURAQABAH AND MAHABBAH ACCORDING TO AL-SARRAJ:  
AN ANALYSIS ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF  
HUMAN SPIRITUAL DEVELOPMENT]**

**MURAQABAH DAN MAHABBAH MENURUT AL-SARRAJ: SATU ANALISIS  
MENURUT PERSPEKTIF PEMBANGUNAN ROHANI INSAN**

SAFIAH ABD RAZAK,<sup>1</sup> CHE ZARRINA SAARI<sup>2</sup>  
& SYED MOHAMMAD HILMI SYED ABDUL RAHMAN<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS),  
KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang. Email: safiah@kuipsas.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jln  
Profesor Diraja Ungku Aziz, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
MALAYSIA. E-mail: zarrina@um.edu.my; smhilmi@um.edu.my

\*Corresponding Author: safiah@kuipsas.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

**Abstract**

Abu Nasr al-Tusi al-Sarraaj was a Tasawwuf's Sufi which highly contributes in providing methods and practices based on the guidance of Al-Quran and Sunnah as well as pearls of wisdom from respectable Sufis of Tasawwuf. He who lived around the fourth century of Hijra was recognized as one of the Tasawwuf's Sufi who emphasized the concept of *maqamat* and *ahwal* as the main principle of Tasawwuf especially in soul building, thus developing the spirituality of human being towards a nobler and blessed by Allah. This research applies the methodology of qualitative approach. The data are derived from written documents such as books, journals, thesis and seminar proceeding. This article discusses the concept of *muraqabah* and *mahabbah* according to Abu Nasr al-Tusi al-Sarraaj in his writing *al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf* of al-Islami. Finding of the research shows that the concept of *muraqabah* and *mahabbah* is among the concept that plays important role in developing the soul and spirituality of human. Al-Sarraaj's view is found to be aligned and parallel with the view of other respected Tasawwuf's Sufis. The concept of *muraqabah* and *mahabbah* as explained by al-Sarraaj seemed to be relevance and significant to be appreciated by communities nowadays. The appreciation then will help to create Muslims with an inner peace, always aware of evil and sin as well as putting the love towards Allah as the highest love in their soul. This article is expected to provide significant contribution toward the corpus of spiritual education of today's community which seems to decline in their faith and decrease in their love towards Allah. Hopefully, this article will be capable of increasing the quality of Muslims as the best people among all people in the world.

**Keywords:** *Muraqabah*, *Mahabbah*, Al-Sarraaj, Spiritual Development

## Abstrak

Abu Nasr al-Tusi al-Sarraj merupakan seorang ulama tasawuf yang berjasa besar dalam meletakkan kaedah dan pengamalan tasawuf berasaskan panduan al-Quran dan sunnah serta mutiara hikmah para ulama tasawuf muktabar. Beliau yang hidup sekitar abad keempat Hijrah diakui sebagai salah seorang ulama tasawuf yang turut mengetengahkan konsep *maqamat* dan *ahwal* sebagai prinsip utama tasawuf khususnya dalam membina jiwa dan seterusnya membangunkan rohani insan ke arah yang lebih mulia dan diredai Allah. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Data-data diperolehi melalui dokumen bertulis seperti buku, jurnal, tesis, prosiding seminar dan sebagainya. Artikel ini membincangkan konsep muraqabah dan mahabbah menurut Abu Nasr al-Tusi al-Sarraj dalam penulisan karya beliau *al-Luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami*. Hasil kajian menunjukkan muraqabah dan mahabbah merupakan antara rangkaian *ahwal* yang memainkan peranan penting dalam membangunkan jiwa atau rohani manusia. Pandangan al-Sarraj berhubung muraqabah dan mahabbah ini didapati sejajar dan seiring dengan pandangan ulama-ulama tasawuf muktabar. Muraqabah dan mahabbah sebagaimana yang dikupas oleh al-Sarraj ini dilihat masih signifikan dan relevan untuk dihayati oleh masyarakat masa kini. Penghayatan tersebut kemudiannya akan mampu membantu melahirkan individu muslim yang tenang, sentiasa berhati-hati dengan maksiat dan kejahatan serta sentiasa meletakkan cinta Allah adalah yang tertinggi di dalam jiwa. Artikel ini diharapkan dapat memberi sumbangan penting terhadap korpus pendidikan rohani ummah masa kini yang dilihat semakin pudar nilai keimanannya dan semakin merosot nilai cinta kepada Allah. Semoga artikel ini dapat lebih meningkatkan lagi kualiti umat Islam sebagai umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia seluruhnya.

**Keywords:** Muraqabah. Mahabbah. Al-Sarraj. Pembangunan Rohani.

**Cite as:** Safiah Abd Razak, Che Zarrina Saari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2021. [Muraqabah and mahabbah according to al-Sarraj: An analysis according to the perspective of human spiritual development] Muraqabah dan mahabbah menurut al-Sarraj: Satu analisis menurut perspektif pembangunan rohani insan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 1-15.

## PENGENALAN

Perkembangan dunia masa kini menyaksikan betapa manusia berlumba-lumba mengejar kemajuan pembangunan. Melalui pencapaian sains dan teknologi, manusia telah mengeksploitasi sepenuhnya sumber alam untuk kesenangan dan kemudahan kehidupan mereka (Abdul Jalil Borhan, 2007) Namun begitu, apa yang kita saksikan pada hari ini agenda pembangunan yang diatur lebih banyak menimbulkan masalah dan krisis kemanusiaan yang membimbangkan. Kewujudan pelbagai gejala sosial dan krisis akhlak masa kini membuktikan bahawa agenda pembangunan negara perlu dinilai kembali agar usaha pembangunan manusia dan ummah lebih banyak mendatangkan manfaat kepada semua pihak (Zulkifli Abdul Ghani, 2008) Pembangunan rohani hakikatnya adalah tonggak kepada pembangunan insan sejati menurut kaca mata Islam (Khairani Zakariya, 2012) Rohani yang baik akan berupaya menjelmakan akhlak dan perilaku yang mulia pada diri seseorang Muslim seterusnya akan mewujudkan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara.(Jahid Sidek 2010). Pembangunan ummah yang hanya mementingkan pembangunan fizikal semata-mata dan

mengabaikan aspek kerohanian akan membawa masyarakat dan tamadunya ke arah kerosakan dan kemusnahan.( Mohd Syukri Salleh , 1983)

Wujudnya penyimpangan nilai dalam kalangan masyarakat islam kini adalah disebabkan oleh suburnya pelbagai sifat keji dalam jiwa seperti sifat cinta dunia, bangga diri, sombong, marah, hasad dengki dan sebagainya (Nor Fadhilah Abdul Rahman dan Zakaria Stapa, 2014) Pandangan beliau turut disokong oleh Jahid Sidek (2007) dan Che Zarrina Saari (2004) yang menyatakan bahawa kewujudan pelbagai penyakit hati merupakan punca terjadinya kerosakan hidup manusia di dunia ini. Hati dan rohani masyarakat perlu dihiasi dengan nilai-nilai yang baik atau mahmudah agar mereka akan memiliki kekuatan untuk menentang bisikan nafsu, hasutan syaitan dan juga pengaruh luar yang merosakkan.

Kisah-kisah kaum yang musnah sepanjang sejarah perkembangan manusia membuktikan bahawa punca kemusnahan adalah disebabkan oleh kerosakan rohani yang kemudiannya membawa kepada kerosakan akhlak dan pembangunan tamadun.(Harun Yahya, 2004 /Zulkifli Hj Yusuf, 2011) Kerosakan aspek rohani akan mewujudkan pelbagai kerosakan dalam kehidupan manusia sebagaimana yang diperingatkan Allah melalui firman-Nya dalam surah *al-A'raaf* ayat 56 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoaah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya”.

Hakikat ini membuktikan bahawa asas kekuatan peradaban manusia bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal dan kestabilan mental semata-mata, namun ia juga berpaksikan kemantapan jiwa atau kekuatan rohani sesuatu bangsa. Pembangunan rohani tidak boleh sama sekali diabaikan dan dipinggirkan daripada agenda pembangunan manusia.(Mohd Fauzi Hamat dan Khairul Naim, 2012, Che Haslina Abdullah, 2013)

Negara kita Malaysia dilihat turut prihatin terhadap usaha dan langkah membangun aspek dalaman atau rohani manusia melalui pelbagai pendekatan misalnya kurikulum pembangunan insan yang dilaksanakan oleh pihak INTAN di Malaysia kebanyakannya mengandungi tiga elemen utama antaranya:

- a. Penggunaan sepenuhnya teori jalinan roh, jasad dan akal dalam melahirkan tenaga pekerja yang seimbang, berkualiti dan afektif.
- b. Penggunaan kerangka akhlak dan tasawuf bagi tujuan penyucian jiwa seseorang pekerja berasaskan kaedah tafakkur, muhasabah, taubat, zikir, menekankan penghiasan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah
- c. Memperlihatkan dengan yakin peranan Allah dalam mengatur kehidupan manusia sehingga ujian dan cabaran hidup yang menimpa berupaya dihadapi secara positif dan bijaksana (Mohd Kamil Majid, 2014)

Tiga elemen penting yang dikemukakan sebagai silibus program pembangunan di atas menunjukkan kepentingan membangun elemen rohani bagi melahirkan rakyat Malaysia yang

beriman, menghayati makna ubudiyah serta berusaha membersihkan hati daripada sifat –sifat mazmumah. Fenomena ini menunjukkan kesedaran terhadap pembangunan rohani kelihatan diterima dan dianggap penting namun ia masih memerlukan strategi pemeraksanaan dari semasa ke semasa. Hakikatnya pembangunan insan sejati sewajarnya mengambil kira membangunkan peranan manusia sebagai khalifah yang mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk memakmurkan bumi ini. Ia tidak hanya terbatas kepada pembangunan aspek fizikal dan material semata-mata tetapi turut melibatkan pembangunan secara menyeluruh aspek rohani manusia. (Norazlan Hadi Yaakob dan Aiza Maslan @ Baharudin, 2016)

Pendekatan tasawuf memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan rohani manusia. Ini adalah kerana antara tujuan utama ilmu tasawuf adalah untuk membebaskan jiwa daripada belenggu hawa nafsu, mendidik jiwa mengenal Allah serta bersungguh-sungguh beribadah kepadaNya. Rohani manusia yang bersih kelak akan menonjolkan akhlak mulia dalam kehidupan seharian seorang Muslim ( Fauzinaim Badaruddin, 2008)

Menurut Muhammad al-Ghazali, Islam sangat memerlukan ilmu tasawuf dalam membangunkan jiwa atau rohani manusia. Islam tidak banyak mendapat manfaat daripada kepetahan lidah dan ketajaman pena para ilmunan Islam yang jiwa mereka kosong serta tergoncang oleh keseronokan dunia. Sebaliknya Islam mendapat manfaat daripada para ulama dan ilmunan yang berupaya menggerakkan dan menyedarkan hati yang lalai serta dapat menyerapkan rasa *khasyatullah* (takutkan Allah) bagaikan bumi yang disegarkan oleh curahan hujan dari langit. Mereka juga dianggap sebagai pelita penyuluh dalam kegelapan hidup, penghidup hati yang mati dan sebagai tabib pengubat jiwa yang sedang sakit ( Sulaiman Yasin, 1984)

Artikel ini akan membincangkan konsep muraqabah dan mahabbah menurut pandangan al-Sarraj. Pandangan beliau ini kemudiannya akan dianalisis menurut pendapat beberapa ulama tasawuf bagi melihat sejauh mana kepentingannya dalam membangun rohani manusia. Muraqabah dan mahabbah merupakan antara 10 ahwal yang dibahaskan oleh al-Sarraj dalam penulisan kitabnya, *al-luma' fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiyy*. Kedua-duanya merupakan prinsip tasawuf yang utama dalam membangun hati dan jiwa seorang Muslim. Memandangkan ruang yang terhad, kupasan dalam artikel ini hanya dibuat kepada dua *ahwal* sahaja iaitu muraqabah dan mahabbah.

## LATAR BELAKANG ABU NASR AL-SARRAJ

Abu Nasr al-Sarraj ialah Abu Nasr ‘Abdullah bin Ali bin Muhammad bin Yahya al-Sarraj al-Tusi dilahirkan di Bandar Tus Naisabur. Namun tarikh kelahiran beliau tidak dapat ditentukan disebabkan kurang catatan berkaitan ahli keluarga dan zaman awal beliau (Kharuddin al-Zirkili, 1995). Ayahnya, ‘Ali bin Muhammad bin Yahya Abu al-Hassan al-Sarraj al-Tusi merupakan salah seorang syeikh tariqat di kota Tus, terkenal dengan kezuhudan dan dikatakan telah meninggal dunia di Naisabur ketika sedang sujud dalam solat. Al-Sarraj meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 387H/ Oktober tahun 988M dan dikebumikan di kota Tus (Michael A.Sell, 2003)

Guru-guru al-Sarraj yang masyhur ialah Ibn khafaf al- Syirazi (w. 371H) ( al-Qushayri, 1973) seorang syeikh sufi dan memiliki ilmu yang sangat mendalam, Abu Muhammad al-

Khawwas Ja'far bin Muhammad bin Nasir al-Kuldi (w.348H), (1986) Abu Bakar Muhammad Dawud al-Duqqi (w.360H), Abu al-Farj Ahmad bin 'Ali al-Ghassini, Abu Abbas Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Barza'i, Muhammad bin al-Fuhal, 'Abdul Wahid bin 'Ulwan Abu Amru al-Rahibi. Abu Hafs al-Haddad, Abu 'Uthman al-Hairi (Ibn Malqan, 1986) Manakala antara murid al-Sarraj yang dicatatkan ialah Abu Abd al-Rahman al-Sulami (w. 412H), penulis kitab *Tabaqat al-Sufiyyah* (1998), Abu al-Fahl al-Sarikh yang kemudiannya menjadi guru kepada ulama sufi ulung iaitu Abi Sa'id Ibn Abi al-Khayr (w. 440H), Abu al-Qasim 'Abdul Rahman bin Muhammad al-Sarraj al-Qursy al-Nisaburi al-Faqih (418H) dan Abu Sa'id Muhammad bin 'Ali al-Niqasy al-Asbahani al-Hanbali (414H), seorang ulama yang thiqah dan soleh, hafal al-Qur'an dan seorang Imam (Mohd Adib al-Jadir, 2008)

Al-Sarraj merupakan seorang pengamal tasawuf yang tekal dan mahir tentang ilmu jiwa. Beliau dikatakan memiliki pandangan mata hati yang tajam sehingga beliau mampu mengenali dan membezakan antara golongan sufi sejati dengan golongan sufi palsu (Kamil Mustafa al-Hindawi, 2002) Beliau juga mampu menghuraikan kata-kata dan pandangan para syeikh tasawuf, seorang sufi yang berpegang kepada al-Quran dan sunnah, menguasai ilmu fiqh, bermazhab Syafi'i dan berpegang dengan mazhab ahli sunnah wa al-Jamaah. Al-Quran dan sunnah sentiasa menjadi rujukan al-Sarraj dalam kajian dan penulisan beliau khususnya bagi memartabatkan ilmu tasawuf (Mohd Adib al-Jadir, 2008)

Al-Sarraj memiliki akal yang cerdas dan bijak, mempelajari ilmu agama dan menghayatinya, istiqamah atas jalan tasawuf, seorang ahli zuhud yang ikhlas, mahir dalam menyusun ayat, mempersembahkan tulisannya dengan rohani yang tulus sehingga perkataannya dapat memberi manfaat dan pengaruh yang kuat kepada mereka yang membaca tulisannya (Kamil Mustafa al-Hindawi, 2002)

Abu Nasr al-Sarraj terkenal dengan ketokohnya dalam ilmu tasawuf terutamanya berkaitan dengan kitab karangan beliau *al-Luma'*. Elemen tasawuf yang dikupas dan dibincangkan oleh al-Sarraj dalam karyanya, *al-Luma'* menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang sufi yang komited dan sangat mencintai jalan tasawuf yang dilalui. Karya *al-Luma'* antaranya membahaskan kedudukan ilmu tasawuf sebagai salah satu cabang keilmuan Islam yang penting, mengupas persoalan hati dan jalan untuk membangunkan jiwa atau rohani manusia, adab-adab sufi serta kedudukan tasawuf dalam neraca al-Quran dan hadith. Perbincangan yang diutarakan oleh beliau dilihat sejajar dan seiring dengan perbincangan tokoh-tokoh tasawuf lain yang membincangkan aspek spiritual manusia dalam tulisan mereka. (Imad Zaki al-Barudi, t.t)

Abdul Rahman al-Sulami (412H) penulis kitab *Tabaqat al-Sufiyyah* menyatakan bahawa al-Sarraj merupakan seorang tokoh sufi yang zuhud, juru bicara umat, mahir dalam ilmu syariat dan salah seorang shaykh tasawuf yang utama (Mohd Adib al-Jadir, 2008). Nama al-Sarraj disebut dalam kitab *al-Risalah al-Qushayriyyah* oleh al-Qushayri (w.465H). Dicapitkan bahawa penulisan kitab *al-Luma'* banyak mempengaruhi penulisan al-Qushayri dalam kitabnya, *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Pada tujuh tempat dalam kitabnya itu, al-Qushayri menyebut nama 'Abdullah bin Ali al-Tamimi. Nama itu adalah merujuk kepada Abu Nasr al-Sarraj (Al-Qushayri, 2014 )

Prof Muhammad al-Bahuli al-Nayyal dalam kitabnya *al-Haqiqat al-Tasawwuf li al-Tasawwuf al-Islami* tatkala mengulas tentang kitab Ihya' Ulumiddin menyatakan bahawa antara kandungan dan perbincangan dalam kitab Ihya' Ulumiddin telah pernah ditulis dan

dibincangkan dalam kitab *al-Luma'* oleh Abu Nasr al-Sarraaj dan kitab *Qut al-Qulub* oleh Abu Talib al-Makki. Kenyataan beliau menunjukkan bahawa al-Ghazali turut merujuk kitab *al-Luma'* dalam menghasilkan karya tasawuf beliau itu (Ala' Bakar, 2012)

Dr. Basyir Jalati dalam kitabnya "*Haqiqat al-Tasawwuf Baina al-Ta'sil wa al-Ta'thur*" (2012) menyenaraikan al-Sarraaj sebagai tokoh sufi pertama dalam senarai tokoh sufi yang menulis kitab tasawuf pada zaman penulisan kitab tasawwuf. Al-Sarraaj melalui kitab *al-Luma'* dianggap telah menulis satu ensiklopedia tasawuf ulung sepanjang sejarah. Di dalamnya beliau telah meletakkan kaedah-kaedah tasawuf di atas prinsip ilmu dan amal serta integrasi di antara ilmu dan amal.

## KONSEP MURAQABAH DAN MAHABBAH

Salah satu topik utama dalam perbincangan ilmu tasawuf adalah konsep ahwal dan maqamat. Ulama tasawuf seperti Al-Qushayri, al-Kalabazi, Abu Talib al-Makki, Abu Nasr al-Sarraaj, al-Ghazali dan lain-lain bersetuju bahawa konsep ahwal dan maqamat merupakan teras penting dalam perbincangan ilmu tasawuf (Abdul hafiz Faraghli Al-Qarani, 2007) Menurut al-Jurjānī, *hāl* adalah pengalaman ruhaniyyah yang wujud di dalam hati tanpa diusahakan dan disengajakan. *Hāl* boleh berlaku berulang kali pada hati seseorang dan boleh juga hilang terus daripada diri seseorang. Menurut beliau lagi, apabila pengalaman ruhaniyyah tersebut kekal dan menjadi darah daging, maka ia dinamakan sebagai *maqamat*. Sebagai contoh sifat zuhud. Pada peringkat permulaannya ia adalah *hāl* bagi seorang salik namun setelah sifat itu kekal dalam jiwa ia dinamakan maqam. Contoh ahwal adalah seperti muraqabah, *al-qurb*, mahabbah, *khawf, raja'*, *syawq, uns, toma'ninah*, musyahadah dan yakin. (Ali Haji Mohamed, 2014)

Manakala maqamat merupakan tahap-tahap rohani yang dicapai oleh seorang hamba dalam usaha untuk wusul kepada Allah dengan pelbagai usaha. (Al-Qushayri, 2014) Al-Sarraaj pula menjelaskan bahawa *maqamat* adalah satu kedudukan yang dicapai oleh seseorang hamba di sisi Allah melalui ketekunan beribadah, kesungguhan mujahadah melawan hawa nafsu, riyadah atau latihan rohani serta menumpukan segenap jiwa raga hanya kepada Allah SWT. (Al-Sarraaj, 1960) Contoh maqamat adalah seperti taubat, warak, zuhud, fakir, sabar, tawakkal dan ridha.

Ahwal dan maqamat merupakan gambaran tingkat-tingkat perjalanan rohani seorang *salik* dalam perjalanan mencapai makrifatullah. Ini akan dapat dicapai hanya dengan dua jalan iaitu berusaha membersihkan jiwa daripada kekotoran jiwa dan keburukannya serta berusaha menghiaskan jiwa dengan adab-adab dan akhlak mulia (Muhammad Abdul Rahman, 2017) Menurut tasawuf, *salik* atau murid yang berjaya meningkatkan diri melalui konsep ini akan dapat membina hubungan yang akrab dengan Allah di samping memberikan impak positif kepada anggota masyarakat lainnya seterusnya membantu mewujudkan keharmoniaan dalam kehidupan masyarakat. Pendekata, konsep *hablun Minallah* dan *Hablun Minannas* dapat dicapai dengan cemerlang berasaskan konsep ini. (Othman Napiyah, 2001)

## MURAQABAH MENURUT AL-SARRAJ

Dari segi bahasa muraqabah berasal daripada kalimah ( رقب ) yang bermaksud "melihat". Muraqabah bererti jagaan atau pengawasan (Al-Marbawi, 1990) Murشqabah dari segi bahasa

bermaksud berterusan pengetahuan dan ilmu seseorang hamba bahawa Allah sentiasa mengawasi tindakannya.(Al-Jurjani) Manakala menurut Ibn ‘Ajibah muraqabah membawa pengertian berterusan pengetahuan hamba secara yakin bahawa Allah sentiasa melihat dan mengawasinya sama ada ketika zahir atau ketika rahsia. Muraqabah terletak pada tingkat pertama dalam susunan *ahwal* menurut disiplin ilmu tasawuf.( Hassan Syafi’i, 2006)

Menurut al-Sarrāj, muraqabah adalah salah satu *hāl* atau keadaan spiritual yang mulia. Beliau mengemukakan beberapa firman Allah yang menyebut tentang muraqabah antaranya. Firman Allah yang bermaksud: Terjemahan: “Dan Allah Maha Mengawasi segala sesuatu.” (Surah Al-Ahzab:52). Dan firmanNya: Terjemahan: “Tiada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).” (Surah Qaf:18). Dan firmanNya: Terjemahan: “Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah sentiasa mengetahui akan apa yang mereka rahsiakan serta apa yang mereka bisikkan dan bahawasanya Allah Maha Mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib?” (78) (Surah At-Tawbah:78).

Hakikatnya terdapat banyak lagi ayat-ayat al-Quran lain yang menyebut tentang muraqabah seperti Surah al-Baqarah : ayat 284, Surah Ali Imran : ayat 29, Surah Hadid ayat b4, Surah Ghafir ayat 19 dan Surah al-Baqarah ayat 225. Manakala dalam hadis Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud: “Beribadahlah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya, dan jika engkau tidak melihatNya maka sesungguhnya Dia melihatmu.”

Menurut al-Sarrāj, muraqabah bagi seorang hamba adalah pengetahuan dan keyakinannya bahawa Allah SWT Maha mengetahui dan sentiasa melihat apa yang ada dalam hati nuraninya. Ekoran daripada itu, seseorang hamba akan berterusan meneliti dan memperbaiki setiap bisikan-bisikan hati atau fikiran-fikiran tercela yang boleh mengganggu hatinya sehingga terlalai untuk mengingati Allah (Al-Sarraj, 1960)

Dalam memperincikan pengertian muraqabah, al-Sarraj mengemukakan pandangan beberapa ulama tasawuf seperti Abu Sulaiman al-Darani, Ibrahim al-Ajuri dan Hassan ibn Ali Al-Damighani. Abu Sulaiman al-Dārani menyatakan bahawa adalah tidak mungkin sesuatu dalam hati boleh disembunyikan daripada penglihatan Allah sedangkan apa yang terdetik di dalam hati semuanya ada dalam pengetahuan Allah. Ibrahim Al-Ajuri mengatakan: Wahai anak muda! Engkau mengembalikan niatmu kepada Allah meskipun hanya seberat atom adalah lebih baik daripada segala apa yang dapat disentuh oleh sinar matahari.” Seterusnya Al-Hasan bin ‘Ali al-Damighani menyatakan bahawa sebagai hamba, seseorang itu wajib menjaga rahsia-rahsia hati kerana Allah sentiasa melihat hati nurani.

Muraqabah menurut pandangan al-Sarrāj dapat dikategorikan kepada tiga tahap. Pertama adalah tahap para murid sepertimana yang dikemukakan oleh Al-Hasan bin Ali ad-Damighani di atas. Tahap kedua adalah tahap *murāqabah* yang lebih tinggi. Pada tahap ini seseorang hamba tidak sedikit pun lalai daripada hakikat kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasinya. Tahap ini akhirnya akan membuka jalan kasyaf dan *musyahadah* sepertimana yang diceritakan daripada A’Imad bin ‘Atha’ RA yang menyatakan bahawa sebaik-baik hamba adalah mereka yang sentiasa muraqabah kepada al-haq dengan al-haq dan bersih daripada segala sesuatu selain al-haq serta mengikuti Nabi SAW dalam segala perbuatan, akhlak dan adab baginda.

Manakala peringkat ketiga adalah tahap tertinggi muraqabah. Pada tahap ini mereka sentiasa muraqabah kepada Allah SWT dan memohon kepadaNya agar Dia sentiasa

memelihara mereka untuk sentiasa berada dalam keadaan bermuraqabah ( Al-Sarraj, 1960 ) Hanya Allah yang menguasai dan melindungi segala urusan mereka sebagaimana firman Allah yang bermaksud: Terjemahan: “Dan dia melindungi orang-orang yang soleh” (Surah Al-A’rāf: 196).

Penjelasan al-Sarraj ini menyimpulkan bahawa sifat muraqabah akan mendekatkan seorang hamba dengan penciptanya. Keadaan ini akan menjadikan seseorang hamba akan sentiasa mematuhi segala perintahNya dan menjauhi laranganNya. Makna dan konsep yang dihuraikan oleh al-Sarraj tentang pengertian dan kepentingan *murāqabah* didapati senada dengan pandangan beberapa ulama tasawuf muktabar seperti al-Muhāsibī, al-Qushayri dan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. Menurut al-Muhāsibī (1986) muraqabah adalah perasaan berjaga-jaga dan berhati-hati dengan penuh kesedaran akal akan wujudnya Allah yang sentiasa memerhati dan mengawasinya. Muraqabah diperlihatkan kesannya dengan sifat sabar seorang hamba, reda dan ketenangan hati, akhlak terpuji yang ditonjolkan, syukur atas segala nikmat, sentiasa mujahadah menentang hawa nafsu dan syaitan dan sentiasa mengingati kematian dan hari kebangkitan. Al-Qushayri memetik kata-kata Zun Nun al-Misri yang menyatakan bahawa di antara tanda-tanda muraqabah ialah mengutamakan apa yang diutamakan Allah, membesarkan apa yang dibesarkan Allah dan merendahkan apa yang direndahkan oleh Allah.(Majdi Muhammad Ibrahim, 2002) Manakala menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah buah atau hasil muraqabah adalah seseorang dapat menyaksikan orang yang memberikan nikmat iaitu Allah Taala di sebalik segala nikmat yang diperolehi ( Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, t.t)

Imām al-Ghazālī dan Sa’īd Hawwā turut menyokong pandangan al-Sarraj dan menyamakan muraqabah dengan *maqām* ihsan. Menurut al-Ghazālī muraqabah adalah keyakinan seseorang hamba bahawa Allah sentiasa mengawasi mereka malah Allah akan menghisab pada hari akhirat dengan pelbagai amanah ( Sai’d Hawwa,2011) Menurut al-Ghazālī dan Sa’īd Hawwā neraca kejayaan dalam perjalanan mendapatkan keredaan Allah adalah mencapai *maqām* ihsan yang dinyatakan dalam hadis Nabi SAW bermaksud “Engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihatNya dan sekiranya engkau tidak melihat Allah maka yakinlah Allah melihatmu”. Dalam hadis ini terkandung pengertian *murāqabah* dan *musyahadah*. Kalimah “Engkau merasai Allah melihatmu” adalah maqam muraqabah sedangkan maksud ayat “Engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihatNya” adalah maqam musyahadah.

Dalam menghuraikan kepentingan dan faedah muraqabah, al-Ghazali meriwayatkan satu kisah yang terjadi ke atas Saidina Umar al-Khattab R.A. Abdullah bin Dinar menceritakan bahawa pada suatu hari saya pergi bersama Saidina Umar al-Khattab R.A menuju ke Mekah. Ketika kami sedang berehat tiba-tiba muncul seorang hamba penggembala kambing menuruni lereng bukit menuju kami. Maka Umar berkata kepada hamba itu, “ wahai penggembala ! kamu Juallah seekor kambing kepada kami. Jawab penggembala. Tidak. Saya hanya seorang hamba. Umar berkata : Sekiranya kamu menjualnya tuan kamu tidak akan mengetahuinya. Maka hamba itu menjawab ; kalau begitu dimanakah Allah? Mendengar jawapan hamba itu, Umar menangis dan membawa hamba itu menemui tuannya lalu memerdekakannya. Umar lantas berkata kepada budak hamba itu: “ Kamu telah dimerdekakan di dunia disebabkan ucapanmu dan semoga ucapanmu mampu memerdekakanmu di akhirat kelak” (Al-Ghazali, 1939).

Meneliti kepentingan muraqabah, para ulama menyarankan beberapa langkah untuk menyuburkan perasaan muraqabah dalam jiwa. Antaranya sentiasa merenung dan tadabbur



ciptaan-ciptaan Allah, sentiasa tadabbur ayat-ayat firman Allah, membanyakkan amalan-amalan sunat, menziarahi kubur, menghayati kisah orang-orang soleh dalam soal muraqabah serta bersahabat dengan orang soleh( Insanul Kamil, 2017).

Berasaskan perbincangan di atas, kita dapat rumuskan bahawa sifat muraqabah sangat perlu difahami oleh setiap Muslim. Al-Sarraj telah menyatakan konsep dan kepentingan muraqabah berdasarkan keterangan al-Quran dan hadis Nabi SAW. Malah pendapat beliau turut dipersetujui dan sejajar dengan pandangan ulama tasawuf muktabar seperti Al-Muhasibi, Al-Jawzi, Al-Ghazali dan Said Hawwa. Dinilai daripada aspek pembangunan rohani seseorang, sifat muraqabah sekiranya difahami dan dihayati dengan sebaiknya berasaskan suluhan al-Quran, Sunnah dan pesan wasit ulama tasawuf muktabar akan dapat menjelmakan kesan positif dalam setiap amalan dan tingkah laku seseorang Muslim. Semua tindakannya sudah tentu dipastikan seiring dengan apa yang dikehendaki Allah semata-mata. Muraqabah kelak melahirkan hamba Allah yang terjaga dan terpelihara akhlak dan peribadinya disebabkan keimanan dan keyakinannya bahawa Allah sentiasa melihat dan mengawasi setiap kata-kata dan perbuatannya. Apabila manusia tidak mampu merasai hakikat muraqabah ini maka segala perbuatan dan amalannya pasti mudah tergelincir daripada jalan kebenaran. Hubungan di antara seorang hamba dan Tuhan tentunya tidak dapat dirasai oleh seseorang hamba lantas melahirkan pelbagai dosa dan kederhakaan kepada Allah (Soleh Rubin Andi, 2014). Apa yang lebih membimbangkan lagi tanpa sifat muraqabah ini, manusia akan sewenang-wenangnya melakukan dosa dan kerosakan di muka bumi. Umat Islam hakikatnya sangat memerlukan pemahaman tentang muraqabah ini agar dapat membersihkan ummah daripada kejahatan dan dosa sehingga mengakibatkan kebinasaan sebagai yang dihuraikan pada awal perbahasan.

## MAHABBAH MENURUT AL-SARRAJ

Menurut Ibn Ajibah mahabbah ialah kecenderungan hati atau hati seseorang hamba sentiasa terikat dengan Allah. Kecenderungan hati ini terpancar pada anggota zahir jasad melalui ketaatan ibadah, Ini *maqām* al-Abrar, keduanya terpancar pada hati yang bersih suci. Ini *maqām* murid salikin makala ketiganya terpancar pada roh dan rahsia sufi kerana berkekalan menyaksi yang dicintai. Manakala menurut al-Qushayri( 2014) pula mahabbah adalah satu perasaan yang mulia. Dengan mahabbah seorang hamba seakan dapat menyaksikan Allah dengan pandangan mata hatinya. Allah memberitahu tanda cintaNya pada hambaNya dan hamba mengetahui cintanya pada Allah.

Menurut al-Sarrāj, mahabbah merupakan salah satu *hal* yang mulia. Oleh yang demikian Allah menyebut tentang mahabbah dalam beberapa tempat dalam Al-Quran sebagaimana maksud firman Allah: Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling dari agamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Dia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; kerana Allah Maha Luas limpah kurniaNya, lagi Meliputi Pengetahuannya. Maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintainya (Surah Al-Mā'idah:54)

Menurut al-Sarrāj, Allah SWT menyatakan cintaNya kepada para hamba sebelum cinta mereka kepadaNya sebagaimana yang dinyatakan di dalam surah Al-Ma'idah ayat 54. Sedangkan pada surah Ali Imran:31, Allah menyebutkan cinta mereka kepadaNya kemudian disusuli cintaNya kepada para hamba. Di dalam surah Al-Baqarah:165, Allah menyebutkan cinta mereka kepadaNya sepertimana cintaNya kepada mereka.

Menurut al-Sarrāj lagi, mahabbah bagi seorang hamba adalah melihat dengan kedua-dua belah matanya terhadap nikmat yang Allah kurniakan kepadanya. Melalui hati nuraninya dia melihat kedekatan Allah kepadanya, menyaksikan segala perlindungan, penjagaan dan perhatianNya yang dilimpahkan kepadanya. Maka dengan keimanan dan hakikat keyakinannya dia melihat perlindungan, petunjuk dan cintaNya yang dicurahkan kepadanya di mana seluruhnya sudah ditetapkan terlebih dahulu sejak zaman azali. Melalui pandangan hati nurani itu, dia amat mencintai Allah SWT. (Al-Sarraj, 1960)

Daripada perbincangan al-Sarraj berkaitan mahabbah ini, dapatlah dirumuskan bahawa mahabbah memberikan pengaruh yang kuat dalam melahirkan hamba Allah yang bersyukur kerana segala nikmat yang dilimpahkan Allah kepada mereka akan membuah dan menambahkan rasa kasih kepada pencipta. Begitu juga segala perlindungan dan jagaan Allah terhadap mereka semakin meningkatkan lagi rasa cinta mereka kepada Allah.

Al-Sarrāj kemudiannya membahagikan mahabbah kepada tiga golongan iaitu: Pertama, mahabbah golongan orang awam. Mahabbah dalam kalangan golongan ini wujud kerana kebaikan dan kasih sayang Allah SWT kepada mereka. Sepertimana yang diriwayatkan dari Nabi SAW yang bersabda: "Hati manusia diciptakan sesuai dengan kudratnya untuk cenderung mencintai kepada orang yang berbuat baik kepadanya, dan membenci kepada orang yang membuat jahat kepadanya."

Kedua, mahabbah golongan para *Siddiqin*. Keadaan mahabbah golongan ini menurut pandangan al-Sarrāj adalah cinta yang muncul kerana hati yang sentiasa melihat pada keagungan, kebesaran, ilmu dan kekuasaan Allah. Hati seorang hamba sentiasa yakin bahawa Allah Maha Kaya yang tidak memerlukan apa pun. Dalam menggambarkan tahap mahabbah golongan kedua ini, al-Sarrāj mengemukakan pandangan Abi al-Husain an-Nuri yang menyatakan bahawa mahabbah adalah menghancurkan tutup penghalang dan menyingkap segala rahsia.

Begitu juga pandangan Abi Sa'īd al-Kharraz yang menyebut tentang mahabbah ini secara terperinci. Menurut Abi Sa'īd al-Kharraz orang yang mencintai Allah sentiasa berasa bahagia. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang meneguk secawan cintaNya, merasakan kenikmatan bermunajat kepada Zat Yang Maha Agung dan didekatkan kepadaNya dengan kelazatan untuk mencintainya sehingga hatinya penuh dengan cintaNya, terasa dekat denganNya penuh kesenangan dan mencintainya dengan penuh kerinduan. Cintanya kepada Allah menjadikannya sakit tenat sehingga tiada yang dapat mententeramkan hatinya dan tiada yang boleh dicintai selain Dia.

Ketiga, mahabbah golongan 'arifin. Perasaan cintanya muncul kerana mereka mengetahui dan merasai kedalaman cinta Allah tanpa sebab dan alasan apa pun. Dalam menggambarkan cinta ini, al-Sarrāj membawakan kata-kata dan ungkapan beberapa ahli sufi misalnya jawapan yang diberikan oleh Zun-Nun al-Misri tatkala ditanya, "Apakah cinta yang murni dan tidak bernoda itu?" maka Zun-Nun menjawab bahawa cinta kepada Allah yang murni tanpa setitik noda ialah hilangnya rasa cinta dari dalam hati dan anggota tubuh sehingga di

dalamnya tiada lagi rasa cinta (mahabbah). Segala sesuatu hanya Allah dan untuk Allah. Maka inilah orang yang benar-benar mencintai Allah. Kata-kata Rabi'ah al-Adawiyah yang masyhur iaitu: "Aku tidak menyembahMu kerana takutkan nerakaMu dan bukan pula kerana harapkan syurgaMu tetapi semata-mata kerana cintaku padaMu" hakikatnya menggambarkan ketulusan hati seorang hamba dalam mencintai Tuhannya (Abdul Hakim Qasim, 1989) Samnun pula menyatakan bahawa mahabbah adalah jernihnya cinta dengan diiringi perasaan sentiasa mengingatNya secara terus menerus. Menurut Samnun lagi, orang yang mencintai sesuatu dia akan banyak menyebutnya. Manakala menurut Sahl bin 'Abd Allāh, mahabbah adalah kesesuaian hati dengan Allah SWT, sentiasa mengikut Rasulullah SAW dengan sentiasa mencintai yang sangat mendalam untuk sentiasa berzikir kepada Allah dan merasakan manisnya bermunajat kepada Allah SWT. Sebahagian shaykh sufi lainnya menyebutkan bahawa mahabbah ialah cinta yang menguasai dalam hati untuk sentiasa memuji kepada yang dicinta, lebih mengutamakan taat kepadaNya dan sentiasa berasa selesa denganNya."

Pandangan al-Sarrāj tentang mahabbah dan kesannya terhadap peribadi seorang Muslim ini seiring dan senada dengan pandangan beberapa ulama muktabar seperti Hassan a-Syazili, al-Maqdasi dan al-Ghazali. Hassan al-Syazili memaknakan mahabbah sebagai Allah mengambil hati seorang mukmin agar bergantung hanya kepadaNya sehingga hati cenderung untuk sentiasa mentaatiNya, akal sentiasa mengenaliNya, dan roh sentiasa *musyahadah* kepadaNya. Hamba sentiasa merasai kelazatan beribadah dan taat kepadaNya (Ibn Ajibah 1998).

Manakala menurut al-Maqdasi orang yang paling berbahagia pada hari akhirat kelak adalah orang yang sangat mencintai Allah. Kekuatan cinta dan kasih sayang seorang hamba kepada Allah bergantung kepada dua perkara. Pertamanya, terputus hubungannya dengan dunia. Ia bermaksud telah keluar daripada hatinya kecintaan kepada sesuatu selain Allah. Situasi ini hakikatnya memudahkannya melalui maqam zuhud, sabar, *khawf* dan *raja'* sehingga akhirnya melahirkan mahabbah. Keduanya, makrifatullah yang bermaksud mengenali Allah dengan sebenar-benarnya akan mendorong mahabbah dan cinta hamba kepada Allah. Kehebatan kuasa Allah pada penciptaan langit bumi dan segala isinya serta keajaiban penciptaan manusia akan membawa kepada suburnya rasa cinta kepada Allah yang Maha kuasa (Ibn Qudamah, 1987)

Menurut beliau lagi barang siapa mendakwa empat perkara tanpa diiringi empat perkara maka dia berdusta iaitu sesiapa yang mendakwa dia cintakan syurga tetapi tidak melakukan ketaatan maka dia dusta, barang siapa mendakwa cintakan nabi tetapi tidak mengasihi ulama dan golongan miskin maka dia dusta, barang siapa mendakwa takutkan neraka tetapi tidak meninggalkan maksiat maka dia dusta dan barang siapa mendakwa cintakan Allah tetapi mengeluh dengan ujian maka pengakuannya adalah dusta (Al-Ghazali, 2004) Al-Ghazālī kemudiannya menjelaskan bahawa bukti mahabbah adalah menunaikan segala ketaatan kepada Allah yang dicintai, memperbanyakkan amalan-amalan sunat, mengikuti jejak langkah dan akhlak baginda SAW, berpaling daripada dunia dan kesenangannya, mengutamakan Allah daripada selain Dia dan sabar dan rida dengan ujian Allah. Al-Ghazālī (2004) memperincikan tanda-tanda mahabbah sebagaimana berikut:

- a. Senang bertemu penciptaNya. Hati yang mencintai Allah sudah pasti gembira untuk bertemu denganNya. Tiada jalan lain melainkan harus mencintai kematian dan tidak boleh lari daripadanya.
- b. Mengutamakan apa-apa yang dicintai Allah melebihi apa yang dicintainya sama ada secara lahir ataupun batin. Dia akan selalu taat dan meninggalkan kemalasan dan godaan nafsu.
- c. Memperbanyakkan zikir kepada Allah. Lisan dan hatinya tidak pernah berhenti berzikir kerana barangsiapa mencintai sesuatu maka dia akan sering mengingatnya.
- d. Berkhalwat dengan Allah, bermunajat kepadaNya dan membaca kitabNya.
- e. Tidak menyesali apa-apa yang hilang daripadanya.
- f. Mencintai ketaatan dan tidak merasa berat melaksanakan amal ibadah dan kebaikan.
- g. Bersikap lemah lembut terhadap hamba-hamba Allah dan bersikap tegas terhadap musuh-musuh Allah.

Kata-kata Hātim al-Zāhid turut menyokong huraian al-Sarraj. Menurut Hatim al-Zahid barang siapa mengaku dia cintakan Allah tanpa bersifat wara' dia berdusta. Barangsiapa mengaku dia ingin masuk syurga tanpa infakkan harta maka dia dusta, jika dia mengaku cintakan nabi tanpa ikut sunnah baginda maka dia dusta dan jika dia mengaku cintakan darjat tanpa bersahabat dengan orang fakir maka dusta (Uthman al-Khubari, 1986)

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa mahabbah sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Sarraj merupakan salah satu keadaan rohani yang mulia. Orang yang memiliki perasaan ini pastinya akan mengutamakan apa-apa yang dicintai Allah melebihi apa yang dicintainya sama ada secara lahir ataupun batin. Dia juga akan selalu taat dan meninggalkan segala godaan nafsu dan kejahatan. Mereka juga sentiasa memperbanyakkan zikir kepada Allah sebagai membuktikan kasih dan cintanya kepada Allah. Akhirnya mereka tidak merasa berat melaksanakan amal ibadah dan kebaikan. Pandangan al-Sarraj berkaitan mahabbah adalah berasaskan al-Quran dan dipersetujui oleh ulama tasawuf muktabar.

Dinilai melalui perspektif pembangunan rohani, mahabbah kepada Allah akan menjadikan seseorang hamba melazimkan diri untuk selalu berjinak hati dengan Allah. Tanda mahabbah ialah penzahiran amal ibadah misalnya sentiasa berzikir, bermunajat, rajin bertahajjud dan membaca al-Quran. Manakala dalam kehidupan seharian yang dilalui dia lebih mementingkan urusan akhirat berbanding urusan dunia. Kesannya pada diri seorang hamba adalah hilangnya sifat kesombongan dan bangga diri, rasa tertekan atau bakhil, rela mengorbankan kehendak nafsu demi kehendak Allah (Ahmad Suyuti, 2014 ) Perasaan ini andainya menguasai hati akan memberikan kesan positif kepada pembangunan rohani seseorang. Masyarakat akan hidup harmoni, sejahtera dan saling berkasih sayang kerana Allah.

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa muraqabah dan mahabbah merupakan antara *ahwal* mulia yang berperanan membersihkan jiwa dan membangun rohani menurut al-Sarraj. Kepentingan kedua-dua sifat mulia dalam membersihkan rohani manusia turut disepakati oleh ulama-ulama tasawuf muktabar lainnya seperti Hassan al-Sazili, al-Muhasibi, al-Ghazali dan sebagainya. Sehubungan dengan itu sifat-sifat ini seharusnya dihayati oleh

setiap muslim. Muraqabah dan mahabbah sekiranya dihayati akan memberikan kesan yang positif kepada pembangunan rohani seseorang. Penghayatan tersebut kemudiannya akan mampu membantu melahirkan individu muslim mukmin yang bertakwa yang dibuktikan dengan amal ibadah yang soleh, sentiasa berhati-hati dengan maksiat dan kemungkaran serta meletakkan cinta Allah adalah yang tertinggi di dalam jiwa. Muraqabah dan mahabbah sebagaimana yang dikupas oleh al-Sarraj ini dilihat masih signifikan dan relevan untuk dihayati oleh segenap lapisan masyarakat masa kini khususnya dalam membantu masyarakat berhijrah daripada suasana kejahilan dan kederhakaan kepada Allah kepada kehidupan berlandaskan keimanan, pengabdian yang tulus kepada Allah, ukhuwwah fillah dan bersih daripada kemungkaran dan kejahatan.

## RUJUKAN

- Abdul Jalil Borham (2007). *Memperkasa Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Pembangunan Insan dalam Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, Jamal Rizal Razali dan Hasnah Hussin, Modal Insan: Konsep, Aplikasi dan Isu-Isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerksaan Tamadun Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Ahmad Suyuti (2014). *Percikan Kesufian: Dialog Ajaran Tasawuf*. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- ‘Abd al-Karim Ibn Hawazin al-Qushayri, (2014). *al-Risalah al-Qushayriyyah*, tahqiq Zakariyya al-Ansari Bayrut: al-Yamamah.
- Abu Hamid al-Ghazali (1983). *Mizan al ‘Amal* Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Abu Hamid al-Ghazali (2004). *Mukasyafah al-Qulub al-Muqarrib ilā Haḍrah ‘Allam al-Ghuyub* Kaherah: Dar al Hadith.
- Abu Hamid al-Ghazali.(2010). *Rawdah al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Salikin Fi Majmuah Rasail Imam al-Ghazali*. Bayrut : Dar al-Fikr.
- Abu Hamid al-Ghazali.(1939). *Ihya’ Ulumiddin*, vol. 3 .Qahirah: Maktabah al-Mustafa al-Babi al-Halabi wa awladuh.
- Abu Hamid al-Ghazali (1983). *Mizan al-Amal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Abu Nasr Abdullah ‘Ali al-Sarraj al-Tusi (t.t) *Al-Luma’ Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiy*. Tahqiq Imad al-Barudi. Qahirah : Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Abu Nasr Abdullah ‘Ali al-Sarraj al-Tusi (t.t). *Al-Luma’ Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiy*. tahqiq Kamal Mustafa al-Hindawi. Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Nasr Abdullah ‘Ali al-Sarraj al-Tusi.(1960). *Al-Luma’ Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiy*. Tahqiq Abdul Halim Mahmud dan Taha Abd al-Baqi Surur.Qahirah: Dar al-Maktab al-Hadith.
- Abu Nasr Abdullah ‘Ali al-Sarraj al-Tusi (2016). *Al-Luma’ Fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islamiy* tahqiq Muḥammad Adīb al-Jadīr .Qāhirah: Dār al-Faḥ.
- Abu Talib al-Makki.(1997). *Qut al-Qulub*.vol. 2 . Bayrut : Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad ibn Muhammad Ibn Ajibah al-Hasani.(2008). *Mi’raj al-Tashawwuf ila Ḥaqa’iq al-Tasawwuf* . Bayrut: Aalah al-Kitab.
- Basyir Jalati.(2012). *Ḥaqiqah al-Tasawwuf bayna al-Ta’sil wa al-Ta’thir* . Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Che Haslina Abdullah, (2013). “Pembinaan Tamadun Seimbang Melalui Psikologi Islam,”

- Jurnal Hadhari*, vol. 5, no. 1, 199-213.
- Che Zarrina Sa'ari, "Tasawuf: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Kini," dalam *Tasawuf dan Ummah*, ed. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Che Zarrina Sa'ari Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004. 1-33.
- Faizatul Najihah & Faudzinaim Badaruddin (2014) "Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali," *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilization Studies*, vol. 3, 10-27.
- Faudzinaim Badaruddin, (2006). Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden," dalam *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia* Selangor: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Haji Ali Haji Mohamad, (2014). *Mengenal Tasawuf dan Tarekat*. Selangor: Thinker Library Sdn. Bhd.
- Hassan al-Syafi'I dan Abu Yazid al-'Ajami.(2007). *Fi al-Tasawwuf al-Islami*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Ibn Ajibah.(t.t). Ahmad ibn Muhammad. *Iqaz al-Himam Fi Syarah al-Hikam*. Bayrut: Dar al-Fikr. t.t.).
- Ibn al-Qayyim Shams al-Din Abi Abd Allah Muhammad Ibn Abi Bakar.(t.t). *Madarij al-salikin Bayna Manazil Iyyaka Na'budu Waiyyaka nasta'in*. Bayrut: Dar al-Jil.
- Ibnu Qayyim Al-Jauziyah (2013). *Ibnu Qayyim Menjawab : Solusi Peyembuhan Hati*. terj. Abu Virda Ahmad .Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2013.
- Ibn Malqan .Siraj al-Din, Abu hafs Umar Ibn Ali bin Ahmad ibn Ahmad al-Misri (1973). *Ṭabaqat al-Awliya'*, tahqiq Nur al-Din Syaribah .Qahirah: Maktabah Khanji.
- Ibn Manzur(1983) . *Lisan al-'Arab*, vol. 14 . Bayrut : Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah.(1987). *Muktassar Minhaj al-Abidin*. Bayrut: Dar al-Fikr
- Idrus Abdullah al-Kaf.(2003). *Bisikan-Bisikan Ilahi: Pemikiran Sufistik Imam al-Haddad dalam Diwan al-Durr al-Manzhum* .Bandung: Pustaka Hidayah.
- Jahid Sidek (2007). Penyakit-Penyakit Hati: Punca dan Kaedah Rawatan Menurut Prinsip Tasawuf dalam Seminar Tasawuf Negeri Sembilan anjuran Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Khairani Zakariya@Abd Hamid,(2012)"Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-Sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia," *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, vol. 2, no. 1, 75-88.
- Khairunnas Rajab,(2010). "Methodology of Islamic Psychotherapy a Model of Islamic Psychotherapy at Islamic Boarding School Suryalaya Tasik Malaya," *Jurnal Usuluddin*, vol. 31, 1-19.
- Khayr al-Din al-Zirkili.(1995). *al-A'lam Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin*, vol. 3. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Majdi Muhammad Ibrahim, (2004). *Al-Tasawwuf al Sunni : Hal al-Fana bayna al-Junayd wa al-Ghazali*. Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Mamduh al-Zarubi, 2004. *al-Turuq al-Sufiyyah: Zuruf al-Nash'ah wa Tabiah al-Durr*. Suriyya: Dar al-'Ilm.

- Michael A. Sells (2003). *Early Islamic Mysticism*, terj. Slamet Riyadhi Bandung: Mimbar Pustaka.
- Mohamad Kamil Hj Ab. Majid, Rahimin Affandi Abd Rahim & Muhammed Yusof,(2014). “Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka,” *Jurnal Hadhari*, vol. 6, no. 1, 15-34.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari, (2011). *Asma’ al-Husna dan Modal Insan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya).
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin, (2012). *Akidah dan Pembangunan Modal Insan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya).
- Mohd Syukri Salleh, (1983). “Pembangunan Untuk Manusia atau Manusia untuk Pembangunan: Analisa Tentang Manusia dalam Pembangunan Berteraskan Islam,” .Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Islam II, Pergerakan Pengajian Pembangunan Universiti Sains Malaysia.
- Nor Fadhilah Abdul Rahman & Zakaria Stapa.(2014). “Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini,” .Kertas Kerja, International Conference on World Conference, Bandung, Indonesia.
- Norazlan Hadi Yaakob & Aiza Maslan@Baharudin, (2014). “Manusia dan Perkembangan Peradaban: Beberapa Aspek Pemikiran Maek Bennabi dan Ali Syariati,” *Journal of Human Capital Development*, vol. 7, no. 1, 83-95.
- Othman Napiah (2001). *Al’wal dan Maqam Dalam Ilmu Tasawuf* .Johor Baharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sa’id Hawwa (2011). *Mustakhlash fi Tazkiyyah al-Anfus*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Sa’id Hawwa, (2004). *Muzakkirat fi Manazil al-Siddiqin wa al-Rabbaniyyin min Khilal Nusus Hikam Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari*. Qahirah: Dar al-Salam.
- Salih Ahmad al-Shami, (1993). *al-Muhazzib min Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Bayrut: Dar al-Qalam.
- Salih Rubin Andi ( 2012). *Mafhum al-Ihsan fi al-Quran al-Karim*. Jurdan: Dar al-Nur.
- Siddiq Fadzil, (2014). “Pembangunan Ummah Cemerlang: Agenda Menyambut Abad Asia,” dalam *Modal Insan dan Cabaran Pembangunan Ummah Cemerlang*, ed. Zulkifli Mohd & Burhanuddin Abdullah (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 36-37.
- Sulaiman Yasin( 1984). *Mengenal Ilmu Tasawuf* .Selangor: Yayasan al-Rahmaniyyah.
- Sulayman Sami Mahmud.(1995). *al-Tarbiyyah al-Sufiyyah*. Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- ‘Uthman Ibn Hassan Ibn Ahmad, (1986). *al-Shakir al-Khubari, Durrah al-Nasihin fi al-Wa’zi wa al-Irshad*. Qahirah: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Abdul Ghani.(2008). “Relevansi Tasawuf dalam Era Globalisasi,” dalam *Penjanaan Tariqat Tasawwuf dalam Pembangunan Rohani Negara*. Negeri Sembilan: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 117-126.
- Zulkifli Haji Yusof, (2004). “Pembangunan Ummah daripada Perspektif al-Qur’an,” *AL-BAYAN: Journal of al-Qur’an & al-Hadith*, vol. 2 , 57-70.